

Penduduk terkejut air naik mendadak awal pagi setelah hujan lebat

1,000 terjejas banjir di Changlun

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

CHANGLUN — Lebih 1,000 penduduk di lapan kawasan di sini terjejas selepas rumah mereka dinaiki air mulai awal pagi semalam.

Kawasan yang terlibat antaranya Taman Rasa Sayang, Kampung Paya Nomi, Kampung Belukar, Kampung Bendang Cheruk, Kampung Padang Pasir, Kampung Rantau dan Kampung Sungai Petani.

Kediaman penduduk di situ mula dinaiki air pada pukul 4 pagi semalam akibat limpahan air dari Sungai Changlun berikutan hujan berpanjangan sejak pagi kelmarin.

Mangsa banjir, Hamimi Safiza Mohd. Radzi, 39, berkata, pekarangan luar rumahnya mula dinaiki air pada pukul 12 tengah



RASHIDI



HAMIMI



ROZALI Man bersama anaknya, Yusma Sharmila Izwani (kiri) mengalihkan kerusi apabila rumah mereka ditenggelami banjir di Pekan Lama Changlun semalam.

malam semalam sebelum memasuki ruang di dalam rumah kira-kira pukul 9 pagi semalam.

"Air naik secara mendadak selepas air Sungai Changlun terletak berhampiran melimpah berikutan hujan berpanjangan sejak pagi semalam (kelmarin)," katanya ketika ditemui di rumahnya di Pekan Changlun di sini semalam.

Kata suri rumah itu lagi, dia bimbang air akan terus naik sekiranya hujan berterusan.

"Sekarang air di dalam rumah sudah naik ke paras betis manakala di halaman rumah pula sudah sampai paras paha.

"Nasib baik kedudukan rumah saya agak tinggi, jika tidak semua perabot dan barang elektrik tidak dapat diselamatkan," ujarnya.

Seorang lagi mangsa banjir, Rashidi Ashtro, 45, berkata, dia tidak tidur sejak pukul 12 tengah malam semalam kerana bimbang keadaan banjir semakin



SUASANA rumah penduduk ditenggelami air kira-kira satu meter di kawasan Pekan Lama Changlun semalam.

buruk.

"Saya bagaimanapun terpaksa keluar dari rumah pada pukul 9 pagi tadi (semalam) apabila air naik sehingga ke paras pinggang," katanya.

Sementara itu, Pegawai Jabatan Pertahanan Awam Daerah Kubang Pasu, Kamarulzamal Kasa memberitahu, pihaknya dalam keadaan bersiap sedia untuk menjalankan operasi menyelamatkan mangsa banjir.

"Kita sedang memantau

keadaan banjir dari semasa ke semasa.

"Jika keadaan bertambah buruk, pusat pemindahan akan dibuka," katanya.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Kayu Hitam, Datuk Ahmad Zaini Japar yang melawat mangsa banjir di Pekan Changlun memberitahu, bantuan kepada mangsa banjir akan disalurkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pejabat Ahli Parlimen dan Pejabat ADUN.